

Oleh Presiden Thomas S. Monson



# Dipanggil untuk Pekerjaan Tuhan

**B**ila Nabi Joseph Smith memanggil Elder Heber C. Kimball (1801–68) untuk “membuka pintu penyelamatan” sebagai seorang penginjil ke England, Elder Kimball dikuasai oleh perasaan yang dia tidak layak.

“Ya, Tuhan,” dia tulis, “Saya seorang lelaki yang tidak beberapa pandai berucap, dan yang tidak layak untuk pekerjaan yang demikian.”

Namun Elder Kimball menerima panggilan, berkata: “Pertimbangan ini tidak menghalang saya dari jalan tugas; saat saya memahami kehendak Bapa Syurgawi saya, saya rasa keazaman untuk terus pergi tidak kira apa yang berlaku, percaya Dia akan menyokong saya dengan kuasanya yang maha kuasa, dan menganugerahi saya dengan setiap kelayakan yang saya perlu.”<sup>1</sup>

Saudara dan saudari saya yang muda yang dipanggil untuk pelayanan penginjil penuh masa, anda dipanggil untuk pekerjaan kerana anda, seperti Elder Kimball, “mempunyai keinginan untuk melayani Tuhan” (A&P 4:3) dan kerana anda bersedia dan layak.

Pasangan penginjil warga emas, anda dipanggil kepada pekerjaan untuk sebab-sebab yang sama. Namun anda membawa bukan saja keinginan untuk melayani tetapi juga kebijaksanaan yang didapatkan dari masa-masa pengorbanan, kasih, dan pengalaman yang Bapa anda di Syurga boleh menggunakan untuk menyentuh hati para putera-puteri-Nya yang sedang mencari kebenaran. Pasti anda telah belajar bahawa kita tidak dapat betul-betul mengasihi Tuhan kecuali kita melayani Dia dengan melayani orang lain.

Kepada keinginan anda untuk melayani sebagai penginjil, anda akan tambah iman dan ketabahan, keberanian dan keyakinan, keazaman dan daya tahan, dan pengabdian. Para penginjil yang berazam boleh mengerjakan mukjizat-mukjizat semasa melayani.

Presiden John Taylor (1808–87) meringkaskan sifat-sifat penginjil yang sangat penting dengan cara ini: “Jenis lelaki [dan perempuan mahupun pasangan] yang kami ingin menjadi pembawa pesanan injil ini merupakan orang yang beriman kepada Tuhan; orang yang mempunyai iman dalam agama mereka; lelaki yang menghormati imam mereka; orang yang di dalamnya . . . Tuhan mempunyai keyakinan. . . Kami ingin orang yang penuh Roh Kudus dan kuasa Tuhan[,] . . . orang kehormatan, kejujuran, kebajikan dan kemurnian.”<sup>2</sup>

Tuhan telah mengisytiharkan:

“Kerana lihatlah, ladang telah memutih, siap untuk dituai, dan lihatlah, dia yang mengayunkan sabitnya dengan sekuat tenaganya, orang itu mempunyai persediaan agar dia tidak binasa, tetapi membawa penyelamatan bagi jiwanya;

“Dan iman, pengharapan, kasih ihsan, dengan pandangan yang hanya tertuju pada kemuliaan Tuhan, menjadikan dia memenuhi syarat atas pekerjaan itu” (A&P 4:4–5).

Panggilan anda telah datang melalui ilham. Saya bersaksi bahawa orang yang Tuhan memanggil, Tuhan melayakkan. Anda akan terima bantuan syurgawi semasa anda bekerja dengan penuh doa di ladang anggur Tuhan.

Janji indah yang Tuhan memberi kepada para penginjil

pada masa awal zaman keagamaan ini, sebagaimana terkandung dalam Ajaran dan Perjanjian, akan menjadi milik anda: Aku akan pergi di hadapan mukamu. Aku akan berada di sebelah kananmu dan juga di sebelah kirimu, dan Roh-Ku ada di hatimu, dan para malaikat-Ku akan berada di sekeliling-mu untuk menghibur kamu” (A&P 84:88).

Semasa anda melayani, anda akan membuat kenangan dan persahabatan abadi yang sangat bermakna. Saya tidak tahu apa-apa ladang yang menghasilkan lebih hasil kegembiraan daripada ladang misi.

Sekarang, satu pesanan untuk para elder, sister, dan pasangan yang, tidak kira apa sebabnya, mungkin tidak dapat menyelesaikan masa tugas mereka di ladang misi: Tuhan mengasihi anda. Dia menghargai korban anda. Dia sedar akan kekecewaan anda. Ketahuilah bahawa Dia masih mempunyai pekerjaan untuk anda lakukan. Janganlah biar Setan memberitahu anda yang sebaliknya. Janganlah sedih; janganlah menjadi lemah semangat; janganlah putus asa.

Seperti yang saya belajar di persidangan umum tidak lama selepas saya dipanggil untuk memimpin Gereja: “Jangan takut. Bergembiralah. Masa hadapan adalah seterang iman kamu.”<sup>3</sup> Janji itu masih benar untuk anda. Jadi janganlah kehilangan iman anda, kerana Tuhan tidak kehilangan iman dalam anda. Taatilah perjanjian-perjanjian anda dan teruskan ke depan.

Dunia memerlukan injil Yesus Kristus. Semoga Tuhan memberkati semua Orang Suci-Nya—tidak kira di mana kita melayani—dengan hati penginjil.

#### NOTA

1. Heber C. Kimball, in Orson F. Whitney, *Life of Heber C. Kimball*, 3rd ed. (1967), 104.
2. *Teachings of Presidents of the Church: John Taylor* (2001), 73.
3. Thomas S. Monson, “Be of Good Cheer,” *Liahona*, Mei 2009, 92.

---

## MENGAJAR DARI PESANAN INI

Sama ada kita melayani sebagai penginjil penuh masa atau tidak, setiap kita mempunyai kesempatan untuk mengongsi injil dan melayani orang yang di keliling kita. Pertimbangkanlah mengajar pesanan ini bersama dengan ucapan persidangan umum mengenai topik ini, seperti “Mengongsi Injil yang Dipulihkan” oleh Elder Dallin H. Oaks dari Kuorum Dua Belas Rasul (*Liahona*, Nov. 2016, 57). Anda juga boleh membincangkan frasa “orang yang

Tuhan memanggil, Tuhan melayakkan” dengan orang yang anda mengajar. Bagaimanakah mereka telah rasa Tuhan menyokong mereka dalam kerja penginjil dalam panggilan-panggilan mereka? Anda boleh menjemput orang yang anda ajar untuk berdoa untuk kekuatan dan ilham untuk mengetahui bagaimana untuk berkongsi injil dengan keluarga, rakan, dan jiran mereka.

## REMAJA

### Seorang Penginjil tanpa Tag Nama

Oleh Kirsti Arave

**D**i sekolah saya ada cikgu yang mempunyai jenis personaliti yang mungkin menakutkan seseorang dari mengongsi pandangan-pandangan bertentangan mengenai sesuatu topik. Pada satu hari kami sampai di topik para penginjil Orang Suci Zaman Akhir. Saya tahu saya dapat menjawab soalan-soalannya, tetapi saya rasa yang saya tidak patut menjawab. Jadi saya beritahu cukup untuk memuaskan dia buat masa itu.

Selama beberapa minggu berikut saya tidak dapat berhenti berfikir tentang perbualan kami. Akhirnya, satu fikiran datang kepada saya bahawa saya patut memberikan dia sebuah Kitab Mormon dengan beberapa ayat yang ditanda tentang pekerjaan penginjil. Fikiran itu menakutkan saya, tetapi ia terus datang. Saya tahu ia merupakan dorongan yang saya mesti ikut.

Kira-kira dua bulan kemudian, saya sudah sediakan sebuah Kitab Mormon. Sepanjang hari saya rasa seperti buku itu membakar lubang dalam beg saya. Tiga saat bila saya memberikan dia buku itu ketika saya berjalan untuk cuti musim sejuk merupakan salah satu saat yang paling menakutkan dalam kehidupan saya.

Pada hari pertama selepas cuti, saya berjalan di luar kelasnya tetapi terlalu takut masuk. Saya dengar dia panggil saya, dan dia memberi saya satu kad. Saya membacanya di koridor. Dia menulis bahawa dia telah mengkaji ayat-ayat yang telah saya menandai, dan dia bermula melihat beberapa sebab mengenai agama saya.

Saya rasa teruja mengongsi injil sekarang, dan saya lebih teruja lagi untuk melayani Bapa Syurgawi saya di misi tidak lama lagi.



# Kuasa Imamat melalui Mentaati Perjanjian

*Kajilah pesanan ini dengan penuh doa dan mencari ilham untuk mengetahui apa untuk mengongsi. Bagaimanakah memahami tujuan Lembaga Pertolongan menyediakan puteri-puteri Tuhan untuk berkat-berkat kehidupan abadi?*

Iman, Keluarga, Pertolongan

“Pesanan saya kepada . . . semua adalah kita dapat hidup setiap jam ‘diberkati oleh kekuatan kuasa imamat,’ tidak kira keadaan kita,” berkata Elder Neil L. Andersen dari Kuorum Dua Belas Rasul.

“ . . . Ketika anda menyertai tatacara-tatacara imamat dengan layak, Tuhan akan memberikan anda kekuatan yang lebih besar, kedamaian, dan perspektif yang abadi. Tidak kira apa keadaan anda, rumah anda akan ‘diberkati oleh kekuatan kuasa imamat.’”<sup>1</sup>

Bagaimanakah kita menjemput kuasa imamat ke dalam kehidupan kita? Elder M. Russell Ballard dari Kuorum Dua Belas Rasul mengingatkan kita bahawa “orang yang telah masuk air pembaptisan dan kemudian menerima anugerahan mereka di dalam rumah Tuhan adalah layak untuk berkat-berkat yang sungguh hebat. Anugerahan merupakan kurnia kuasa . . . [dan] Bapa

kita di Syurga murah hati dengan kuasa-Nya.” Dia memperingatkan kita bahawa lelaki dan perempuan “kedua-dua dianugerahi dengan kuasa yang sama” di dalam bait suci, “yang merupakan kuasa imamat.”<sup>2</sup>

Linda K. Burton, Presiden Umum Lembaga Pertolongan, berkata: “Oleh kerana kuasa imamat adalah sesuatu yang kita semua ingin mempunyai dalam keluarga dan rumah kita, apakah yang *kita* perlu melakukan untuk menjemput kuasa itu ke dalam kehidupan kita? Kesolehan peribadi sangatlah penting dalam mempunyai kuasa imamat.”<sup>3</sup>

“Jika kita mempersembahkan diri kita dengan rendah hati di depan Tuhan dan meminta Dia untuk mengajar kita, Dia akan menunjukkan kita bagaimana untuk meningkatkan capaian *kita* kepada kuasa *Dia*,” berkata Presiden Russell M. Nelson, Presiden Kuorum Dua Belas Rasul.<sup>4</sup>

## ***Tulisan Suci dan Maklumat Tambahan***

1 Nefi 14:14; Ajaran dan Perjanjian 121:36; 132:20; *reliefsociety.lds.org*

### **NOTA**

1. Neil L. Andersen, “Power in the Priesthood,” *Liahona*, Nov. 2013, 92, 95.
2. M. Russell Ballard, “Men and Women and Priesthood Power,” *Liahona*, Sept. 2014, 36.
3. Linda K. Burton, “Priesthood Power— Available to All,” *Liahona*, Jun 2014, 21.
4. Russell M. Nelson, “Harga Kuasa Imamat,” *Liahona*, Mei 2016, 69.

### ***Pertimbangkanlah Ini***

Bagaimanakah mentaati perjanjian-perjanjian kita memberkati kita dengan kuasa imamat?